



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2010=100)

JANUARI 2018
January 2018



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI**


**TAJUK UTAMA: INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENINGKAT SEBANYAK 0.2 PERATUS
PADA BULAN JANUARI 2018**

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Januari 2018 meningkat 0.2 peratus tahun-ke-tahun berbanding bulan Januari 2017. Harga Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan peningkatan sebanyak 2.7 peratus, manakala harga Bukan Makanan mencatatkan penurunan sebanyak 0.4 peratus tahun-ke-tahun.
2. Peningkatan IHP bagi bulan Januari 2018 sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan (2.7 peratus); Pendidikan (2.2 peratus); dan Perhubungan (1.2 peratus). Walau bagaimanapun, ianya diimbangi oleh penurunan harga Pakaian dan Kasut (1.9 peratus); Rekreasi dan Kebudayaan (1.7 peratus); dan Pengangkutan (1.5 peratus).
3. Harga Makanan dan Minuman Ringan meningkat berikutan peningkatan harga minuman ringan selaras dengan pengemaskinian beberapa kadar duti import dan eksais di bawah Perintah Duti Import Kastam 2012 dan Perintah Duti Eksais 2012 yang berkuatkuasa mulai 1 April 2017. Manakala, peningkatan kos Pendidikan mengambilkira peningkatan kadar yuran sekolah rendah dan menengah swasta yang terpilih. Peningkatan harga Perhubungan pula adalah disebabkan oleh peningkatan harga telefon bimbit.
4. Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP bagi Januari 2018 menurun sebanyak 0.1 peratus berbanding dengan bulan Disember 2017. Indeks Bukan Makanan mencatatkan penurunan sebanyak 0.4 peratus manakala Indeks Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan peningkatan sebanyak 0.9 peratus.

5. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Januari 2018 boleh didapati melalui laman web JPKE: www.depd.gov.bn.

INDEKS HARGA PENGGUNA (2010 = 100)

Divisyen	Kewajaran (%)	Indeks	Perubahan (%)	
		Jan 2018	Jan 2018 / Jan 2017	Jan 2018 / Dis 2017
INDEKS KESELURUHAN	100	98.9	0.2	-0.1
Makanan dan Minuman Ringan	19	102.1	2.7	0.9
Pakaian dan Kasut	4.2	83.0	-1.9	-1.7
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Bakar Lain	11	96.8	-0.1	0.02
Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah	11	94.8	0.2	-0.02
Kesihatan	1	99.6	-0.8	-
Pengangkutan	19	97.0	-1.5	-1.9
Perhubungan	6	100.3	1.2	-0.02
Rekreasi dan Kebudayaan	9	99.7	-1.7	0.2
Pendidikan	4	110.8	2.2	1.7
Restoran dan Hotel	9	102.9	0.6	-0.02
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	7	100.9	-0.6	0.2





**MEDIA RELEASE DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
PRIME MINISTER'S OFFICE**

**HEADLINE: CONSUMER PRICE INDEX (CPI) INCREASED BY 0.2 PER CENT
IN JANUARY 2018**

1. *The Consumer Price Index (CPI) in January 2018 increased by 0.2 per cent year-on-year compared to January 2017. The Food & Non-Alcoholic Beverages prices increased by 2.7 per cent, meanwhile the Non-Food prices decreased by 0.4 per cent year-on-year.*
2. *The CPI increase in January 2018 was mainly due to the increase in prices of Food & Non-Alcoholic Beverages (2.7 per cent); Education (2.2 per cent); and Communication (1.2 per cent). However, this was moderated by the decrease in prices of Clothing and Footwear (1.9 per cent); Recreation and Culture (1.7 per cent); and Transport (1.5 per cent).*
3. *The Food & Non-Alcoholic Beverages prices increased following the rise in prices of soft drinks in line with the implementation of the Customs Import Duties (Amendment No 2) Order, 2017 and Excise Duties (Amendment No 2) Order, 2017 on April 1, 2017. Meanwhile, the increase in the cost of Education took into account the increase in school fees of primary and secondary education in selected private schools. Increase in prices of Communication was due to an increase in prices of mobile phones.*
4. *On a month-on-month basis, the CPI in January 2018 decreased by 0.1 per cent. This was mainly due to the fall in the Non-Food Index by 0.4 per cent. Meanwhile, the Food and Non-Alcoholic Beverages Index increased by 0.9 per cent.*
5. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for January 2018 is available from JPKE's website: www.depd.gov.bn*

CONSUMER PRICE INDEX (2010 = 100)

Divisions	Weights (%)	Index	Changes (%)	
		Jan 2018	Jan 2018 / Jan 2017	Jan 2018 / Dec 2017
OVERALL INDEX	100	98.9	0.2	-0.1
Food & Non-Alcoholic Beverages	19	102.1	2.7	0.9
Clothing & Footwear	4.2	83.0	-1.9	-1.7
Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels	11	96.8	-0.1	0.02
Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance	11	94.8	0.2	-0.02
Health	1	99.6	-0.8	-
Transport	19	97.0	-1.5	-1.9
Communication	6	100.3	1.2	-0.02
Recreation & Culture	9	99.7	-1.7	0.2
Education	4	110.8	2.2	1.7
Restaurants & Hotels	9	102.9	0.6	-0.02
Miscellaneous Goods & Services	7	100.9	-0.6	0.2

